



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

UiTM *di hatiku*

MAY 2024

INFO 83rd ISSUE

KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin



The 2nd International Conference
On Innovative Sciences &
Technologies For Research &
Education (Innostre)

ReQaseni Art Exhibition
17th Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi:
Profesor Datuk Teknologis
(Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor



Building Bridges Through International
Mobility: A Joint Program between
UiTM & Mulawarman University
Indonesia

Program Latihan Komuniti: Penggerak Eko Pelancongan Berasaskan Komuniti Siri 1

Disediakan oleh
Jacqueline Susan Rijeng dan Aiza Johari

University Community Transformation Centre (UCTC) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak telah menganjurkan Program Latihan Komuniti: Penggerak Eko Pelancongan Berasaskan Komuniti Siri 1 pada 20 hingga 22 November 2022 di BME Hotel Sri Aman. Ia merupakan sebuah program usaha sama antara Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N28 Lingga dan UiTM Cawangan Sarawak. Seramai 25 orang peserta telah mengikuti program yang telah berlangsung selama tiga hari ini.

Objektif utama program ini adalah untuk memberi peluang kepada komuniti setempat untuk mempelajari pelbagai kemahiran sendiri seperti kemahiran berkomunikasi, seni kitar semula serta fotografi dan videografi. Selain itu, program ini memberi pendedahan tentang bidang perniagaan kepada mereka.

Turut hadir bagi mewakili YB Puan Dayang Noorazah bte Haji Awang Sohor ialah Koordinator Jaringan Komuniti UiTM Cawangan Sarawak, Dr. Azlina Bujang yang telah merasmikan upacara penutupan dan memberikan ucapan rasmi beliau di majlis tersebut. Dalam ucapan itu, beliau menyatakan bahawa kerjasama ini memberi lebih banyak peluang kepada para peserta untuk menimba pengetahuan dan pengalaman dalam pelbagai aspek perniagaan khususnya penggunaan platform digital yang sememangnya banyak memberi manfaat dalam merencanakan lagi budaya keusahawanan pada masa kini.

Menurut ketua projek iaitu Puan Aiza Johari, penglibatan peserta mampu meningkatkan lagi peluang kerjasama di samping menggalakkan semangat daya saing dalam kalangan mereka. Program ini berjaya memberi impak positif kepada para peserta kerana mereka dapat memanfaatkan ilmu dalam pemasaran produk perniagaan mereka melalui platform digital. Teknologi digital yang diterapkan dalam perniagaan dilihat sebagai kaedah terbaik kepada para usahawan untuk memasarkan jenama secara kreatif di samping meraih keuntungan daripada penjualan produk mereka pada era pandemik ini.



Gambar kenangan hari pertama latihan dan peserta yang telah memenangi hadiah